

BAB LIMA

KESIMPULAN

Akta Pendidikan 1996 sememangnya merupakan satu usaha murni kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan serantau yang menawarkan pendidikan tinggi berkualiti. Sehubungan ini, tenaga pengajar merupakan suatu aspek penting dalam membangunkan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi di rantau ini.

LAN mensyaratkan supaya pensyarah yang mengajar di peringkat diploma dan ijazah mesti mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu tahap lebih tinggi daripada pelajarnya. Pensyarah mesti berpengalaman dan melibatkan diri dalam penyelidikan dan penerbitan.

Walau bagaimanapun daripada dokumen yang diterima oleh LAN, sebahagian besar pensyarah yang mengajar di IPTS memiliki tahap kelulusan yang sama dengan pelajar. Mereka kurang berpengalaman dan mengajar subjek di luar bidang pengkhususan mereka (Mohd Yahya Nordin, 1999). IPTS juga mendakwa bahawa jangkamasa lima tahun tidak mencukupi untuk memenuhi syarat tersebut. Didapati bahawa jumlah mereka yang memiliki ijazah Sarjana dan Kedoktoran dalam bidang-bidang kritikal seperti Teknologi Maklumat tidak bertambah begitu cepat berbanding permintaan.

Pensyarah asing lazimnya bekerja di antara satu hingga tiga tahun. Namun begitu, tenaga pengajar asing ini masih dianggap sebagai separuh masa. Kolej B yang mengadakan program Berkembar dengan Coventry University menyatakan pemeriksa luar (external examiner) berada di kolejnya untuk melatih pensyarah-pensyarah tempatan.

Hampir semua IPTS dalam kajian ini berfungsi sebagai “teaching institution” dan bukannya “research institution”. Kampus Cawangan pula membawa sebahagian besar tenaga pengajarnya dari negara asal mereka. Tiga buah jabatan di UNiM iaitu Perniagaan, Kejuruteraan dan Sains Komputer diketuai oleh tiga profesor dari University of Nottingham, UK. Namun begitu, tenaga pengajar tempatan berpeluang untuk berkongsi pengalaman dari mereka.

LAN menetapkan nisbah 60:40 antara pensyarah sepenuh masa dan separuh masa. Menurut pentadbir Kolej B, nisbah 60:40 perlu dilonggarkan bagi membolehkan pelajar memperolehi pendedahan dan pengalaman industri dari pakar bidang. Kolej C yang membuat pengkhususan dalam bidang IT terpaksa bergantung kepada pensyarah dari luar negara bagi bidang-bidang tertentu yang kekurangan kepakaran di dalam negara. Pengalaman pensyarah dari luar negara juga dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar dan pensyarah tempatan dalam bidang-bidang tertentu.

Didapati dalam bidang yang melibatkan sains dan teknologi sentiasa berlaku kekosongan jawatan. Ramai profesional lebih memilih bidang masing-masing sebagai kerjaya berbanding dengan bidang akademik. Sebahagian besar daripada pensyarah bagi

matapelajaran kritikal di IPTS yang membuat pengkhususan bidang teknologi maklumat (IT) terdiri daripada pensyarah sambilan. Mereka lebih suka mengajar di beberapa IPTS, disamping terlibat dalam perniagaan yang berkaitan bidang masing-masing. Kebaikan pensyarah sambilan adalah mereka lebih peka terhadap perubahan industri.

Kampus Cawangan mewajibkan pensyarahnya memiliki sekurang-kurangnya kelulusan ijazah sarjana. IPTS lain menitikberatkan pengalaman bekerja dalam bidang-bidang tertentu. Individu yang mempunyai kelayakan akademik disertai dengan pengalaman industri diberi keutamaan berbanding dengan mereka yang mempunyai pengalaman mengajar sahaja.

Pensyarah IPTS juga didapati bukan sahaja mengajar subjek mengikut bidang pengkhususan, mereka tetapi diminta mengajar di luar bidang pengkhususan mereka. Keadaan ini sangat ketara di semua IPTS sampel kajian kecuali di Kampus Cawangan. Sebagai contoh, salah seorang pensyarah yang memiliki kelulusan professional ACCA dan sarjana Perakaunan turut mengajar matapelajaran seperti bahasa Inggeris, Pengurusan Sumber Manusia, Pemasaran dan Organisasi Perniagaan. Tambahan pula, ada pensyarah yang memiliki kelulusan dalam bidang Sains Komputer yang dikatakan ketinggalan zaman, tetapi dikatakan sebagai mempunyai pengalaman luas dalam teknologi terkini. Bidang sains komputer dan teknologi maklumat adalah suatu bidang yang sentiasa mengalami perubahan mendadak berbanding bidang-bidang lain. Tenaga pengajar yang hanya memiliki kelulusan tanpa pengalaman serta pendedahan industri hanya menjatuhkan populariti kursus tersebut di IPTS. Justeru adalah lebih baik memberi

peluang kepada pensyarah Sains Komputer untuk mengajar beberapa matapelajaran teknologi maklumat. Walaupun pensyarah ini tidak mempunyai kelulusan khusus dalam bidang teknologi maklumat tetapi pengalaman dan inisiatif mereka menerokai bidang tersebut membolehkan mereka menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara berkesan (Temubual: Pentadbir dan Pensyarah IPTS: 9-11 Mac 2003).

Jadual 16

Perbandingan Gaji Tenaga Pengajar di Beberapa Institut Pengajian Tinggi Luar Negara

Perbandingan Gaji Tenaga Pengajar di Institut Pengajian Tinggi

	*New Zealand \$NZ	*Kanada \$NZ	*Amerika Syarikat \$NZ	**Singapura \$NZ	***Malaysia \$NZ	*Afrika Selatan \$NZ
Pensyarah(min)	50285					27164
Pensyarah(mak)	61388	74419	91988			38841
Pensyarah kanan(min)	64004			69605		32892
Pensyarah kanan(purata)	74621			104407		44697
Pensyarah kanan(mak)	82902			139210	25197	
Profesor Madya (min)	83219			104407	22243	39115
Profesor Madya (mak)	92222	101894	154557	197214	31224	50257
Profesor (min)	95412			162411	40533	44958
Profesor (mak)	120054	121419				

*Gaji diambil dari beberapa universiti awam

**Gaji tenaga pengajar di National University of Singapore

***Gaji tenaga pengajar di Universiti Putra Malaysia

Pensyarah di sebahagian besar IPTS memperuntukan masa untuk pengajaran, penyeliaan dan kerja-kerja pentadbiran. Peruntukkan masa untuk penyelidikan dalam bidang masing-masing pula kurang diberi keutamaan ataupun tidak wujud. UNiM yang merupakan Kampus Cawangan ‘Research University’ memberi sedikit sebanyak

peruntukan bagi pensyarah melibatkan diri dalam penyelidikan. Mengikut Naib Canselor UNiM, kakitangan akademiknya hanya memperuntukkan selama 10 jam bagi pengajaran. Namun demikian, mereka menggunakan masa belebihan untuk penyediaan *pengajaran* supaya ianya menarik dan mencabar. Tugas pentadbiran pengajar diperuntukkan sebanyak 10 jam. Manakala bagi 20 jam adalah semata-mata untuk tujuan penyelidikan (*The Star*, 1 Oktober 2000).

Jika dibandingkan dengan tenaga pengajar di sebahagian besar negara membangun Malaysia merupakan antara negara yang menawarkan gaji terendah bagi tenaga pengajar (Jadual 16). Ini merupakan salah satu utama yang menyebabkan aliran keluar tenaga pengajar dan professional ke luar negara yang memberikan ganjaran yang lebih baik. Negara jiran Malaysia iaitu Singapura sendiri menawarkan ganjaran hampir tiga kali ganda berbanding Malaysia.

Bagi menangani masalah ini, Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan skim bagi mengalakkan tenaga kerja professional Malaysia di luar negara pulang berkhidmat di Malaysia (Kementerian Sumber Manusia, 2003). Bidang sains dan teknologi merupakan bidang yang diberi keutamaan bagi menggalakkan saintis Malaysia di luar negara pulang (lampiran 6). Langkah ini adalah untuk memenuhi kekurangan tenaga kerja mahir. Kajian ke atas kursus yang ditawarkan di IPTS menunjukkan hanya 10 peratus daripada kursus di IPTS berkaitan dengan bidang tenaga kerja kritikal yang diperlukan negara (Temubual: Pensyarah IPTS, Mei 2003; lampiran 6). Kekurangan yang wujud di IPTS ini juga berpunca daripada kekurangan tenaga

pengajar dalam bidang-bidang ini. Tiada usaha diambil bagi meningkatkan bilangan tenaga pengajar selain insentif yang diberikan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Di samping itu budaya pengajaran dan pembelajaran juga mempengaruhi kualiti program di IPTS. Walaupun pelbagai inisiatif diambil oleh Kampus Cawangan, tetapi budaya pembelajaran di kalangan pelajar turut menjadi penghalang bagi mewujudkan ‘research institution’. Menurut seorang pensyarah luar negara di UNiM, pelajar Malaysia,

“Unlike their British counterparts, they don’t challenge and question the lecturers as much. Many are reluctant to question...or start a debate with the lecturers, even the MBA students are not willing to challenge the lecturers.” (*The Star*, 19 November 2000)

Dari segi pengajaran pula terdapat kaedah pengajaran dan pembelajaran wujud perbezaan yang ketara antara IPTS dan universiti asing. Walaupun sukar untuk mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran tetapi penekanan harus diberikan kepada aspek kajian yang berpusatkan pelajar. Ini bukan sahaja bagi penting bagi pembangunan minda pelajar tetapi juga bagi membina IPTS berbentuk pusat penyelidikan. Pelajar-pelajar Kolej C yang sambung pelajarannya bagi tahun 3 kursus Information Communication Technology di Middlesex University telah menyatakan bahawa,

“Here, the teaching style is different. The lecturers expect you to do your own research and hand in more detailed work. We were spoonfed more in Malaysia”

“Although I have to do a lot of my own research in the library, I find it the lecturers here more approachable. In Malaysia the lecturers are more formal and keep their distance.” (*The Star*, 28 January 2001)

Penglibatan tenaga pengajar dan pelajar dalam aktiviti kajian di IPTS mahupun Kampus Cawangan tidak begitu jelas dan menggalakkan. UNiM mewajibkan para pensyarahnya menerbitkan artikel kajian masing-masing sekurang-kurangnya setahun sekali. Pensyarah senior diwajibkan menerbitkan lebih dari satu kajian di jurnal antarabangsa yang diiktiraf. *Financial Times* 2002 memberikan University of Nottingham, UK tempat ke-9 daripada “Top 10” universiti di UK (www.UNiM.Nottingham.ac.uk). University ini juga mencatatkan peningkatan 31% sumber pendapatan bentuk “research grant” iaitu meningkat dari £52 million pada 1999 menjadi dalam £68 million pada tahun 2000 (*The Star*, 28 January 2001).

Keikhlasan dan kesungguhan pihak universiti asing bagi mengadakan “knowledge transfer” bagi membangunkan industri pendidikan tinggi bertaraf dunia di Malaysia boleh dipertikaikan. Namun demikian, sebahagian besar universiti asing menjamin kualiti program di IPT melalui perjanjian persefahaman franchise masing-masing. Umpamanya Nottingham-Trent University mengambil langkah peringkat perjanjian untuk memastikan piawaian akademik yang sama dicapai bagi kursus samaada di universiti ataupun di IPTS Malaysia dengan kaedah berkembar 3+0. Antara “quality assurance arrangements” termasuklah:

- i) Sebuah jawatankuasa terdiri daripada kakitangan universiti dan IPTS bagi meyerlaskan pengurusan dan pembangunan program.
- ii) Komunikasi dan perbincangan yang kerap diantara ketua bidang di IPTS dan universiti melalui ketua penyelaras yang dilantik.
- iii) Penggunaan alat serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sama bagi program yang dikendalikan di universiti dan IPTS.
- iv) Pembangunan program bersama melalui proses pengawasan tahunan.

- v) Strategi penilaian yang sama, termasuk penugasan dan peperiksaan yang ‘moderated’ oleh universiti.
- vi) Pemeriksa luar yang sama yang menilai pencapaian pelajar di IPTS mahupun di Universiti.

Maka jelas bahawa aspek penyelidikan dan pembangunan tenaga pengajar memainkan peranan penting bagi pembangunan kualiti program sesuatu institut pengajian tinggi. Mengikut Najib Tun Razak, Menteri Pendidikan pada tahun 1996:

“In most industrialized countries, the reputation of universities rest not so much on teaching but rather on the level and amount of research and development conducted”(*New Straits Times* 15 Ogos 1996).

Di UK, kerajaannya memberikan peruntukan berbilion paun kepada universiti yang melibatkan diri dalam penyelidikan dan pembangunan. Hasil kajian tersebut banyak membantu dalam bidang-bidang seperti perubatan, penanaman, kejuruteraan, teknologi maklumat dan sebagainya. Adakalanya, hasil penemuan tersebut membantu dalam pembangunan sesuatu industri utama negara tersebut. Dalam keadaan ini, institut-institut pengajian tinggi negara tersebut bersaing antara satu sama lain untuk mendapat peruntukan kerajaan.

Namun begitu, disebalik pelbagai kritikan berkenaan kualiti program di IPTS, pentadbir di Kolej A dan C menyatakan bahawa pelajarnya yang ke universiti luar kaedah berkembar negara berjaya memperoleh markah tinggi.

Nottingham-Trent University selalunya menggunakan "external examination system" dimana markah pelajar Malaysia dibandingkan dengan markah pelajar sepenuh masa di Nottingham-Trent University, UK bagi memastikan kualiti program. Pemeriksa luar yang sama akan menilai semua pelajar tidak kira pelajar Malaysia mahupun pelajar Nottingham-Trent. Kini seramai 1000 pelajar mengikuti program Diploma dari Nottingham-Trent University, di lima buah IPTS di Malaysia. Electrical and Electronic Engineering merupakan program yang paling popular dengan 500 pelajar, dimana 350 daripada mereka telah memilih untuk melanjutkan pengajian ijazah ke Nottingham Trent University.

Jadual 17

Perbandingan Peratusan Markah Pelajar bagi Kursus Kejuruteraan Di Nottingham-Trent University, 2001

Pencapaian Pelajar	Nottingham Trent University (NTU)	Institut Megatech (IM)	Kolej Linton (LIT)	Institut Teknologi Pertama (ITP)	Workers Institute of Technology (WIT)	Kolej Bandar Utama (KBU)
Kepujian	3	50	80	64	34	51
Kredit	45	44	20	26	56	45
Lulus	52	6	0	10	10	4
Markah Purata	54.7	69.6	73.5	70.3	67.3	70.4

Sumber: Assuring Quality in International Education:
An Institutional Perspective, 2001

Data dalam jadual 15 menunjukkan hanya 3% dari pelajar sepenuh masa Nottingham-Trent University yang memperolehi kepujian manakala 50% dari pelajar di Kolej IM, 80% (LIT), 64% (ITP), 34% (WIT) dan 57% (KBU) memperolehi Kepujian. Secara keseluruhannya, pelajar Malaysia merekodkan pencapaian yang lebih tinggi

daripada pelajar di Nottingham-Trent University. Didapati juga markah purata pelajar Nottingham-Trent University, yang mencatatkan 54%, adalah lebih rendah berbanding 69.6 di IM, 73.5% (LIT) 70.3% (ITP), 67.3% (WIT), 70.4% (KBU).

Mengikut QAA (2003), maklumat ini menunjukkan kualiti program yang ditawarkan secara franchise. Ianya juga merupakan suatu kejayaan bagi IPTS dan universiti asing yang franchise programnya.

Walaupun demikian, QAA juga tidak menafikan kadar kejayaan pelajar tidak semestinya suatu petunjuk bagi kejayaan kerjasama atau penyampaian program berkualiti. Mengikut QAA (2003)

“...it is possible that the high quality of the student might in some cases conceal weaknesses in the articulation arrangements”

Dalam meliberalisasikan pendidikan tinggi, kerajaan juga tidak mahu IPTS terlepas daripada menunaikan tanggungjawab sosialnya. Penubuhan Lembaga Akreditasi Negara mencerminkan aspirasi kerajaan bagi mencapai impian ini. Pengenalan matapelajaran wajib merupakan salah satu aspirasi sosial yang diharapkan oleh kerajaan dari IPTS. Namun demikian, kandungan matapelajaran ini seharusnya dihubungkaitkan dengan kursus ijazah yang pelajar ikuti di IPTS. Ini memandangkan kandungan matapelajaran wajib sama sukatan pelajaran sekolah menengah di Malaysia. Pelajar IPTS sebenarnya harus mendalami pengetahuan dalam program pengkhususan kursus masing-

masing. Pengenalan matapelajaran wajib pula membawa kepada perluasan bidang yang boleh menyebabkan tumpuan pelajar terhadap bidang masing-masing terganggu.

Bagi pihak IPTS sememangnya LAN merupakan sesuatu yang baru bagi mereka. IPTS sebelum adanya Akta Pendidikan 1996 terletak di bawah kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia dimana tidak ada satu mekanisme atau badan khusus bagi memantau operasi IPTS. Kewujudan pelbagai kaedah penganugerahan ijazah seperti program berkembar dan ‘advanced standing programme’ menunjukkan kebebasan yang dinikmati oleh IPTS. Kebebasan IPTS juga terbukti dengan bilangan rakan kerjasama luar negara serta kepelbagaian kursus yang ditawarkan.

Pengkaji juga berpendapat, kebebasan yang dinikmati serta latarbelakang sejarah menyebabkan sesetengah IPTS kurang senang akan tindakan kerajaan mengadakan kawalan taraf dan kualiti program. Terdapat juga IPTS yang mendakwa, langkah memastikan dan memperbaiki kualiti sudahpun terjalin sejak sebelum adanya LAN. Universiti franchise lebih arif tentang program yang dikendalikan, maka IPTS berpendapat tanggungjawab kualiti seharusnya dimandatkan kepada universiti asing. Ini ditambah pula rasa kurang yakin terhadap tenaga kerja jentera LAN yang dipertanggungjawabkan sebagai pengawal kualiti (Nordin, 1999). Walaupun demikian, kajian ini membuktikan sesetengah IPTS kurang memberi perhatian kepada perkara asas seperti tenaga pengajar, bangunan dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Sebahagian daripada ‘new universities’ didapati mengadakan kerjasama semata-mata untuk menguasai pasaran. Lebih-lebih lagi apabila IPTS menjalin hubungan dengan lebih

daripada satu universiti maka komitmen kualiti oleh IPTS dan universiti kurang memuaskan. Maka tindakan LAN menghadkan bilangan universiti asing yang boleh mengadakan kerjasama franchise dengan sesuatu IPTS dianggap wajar. Apakah gunanya, menjadikan IPTS sebagai ‘education shopping complex’ tetapi programnya berkualiti rendah.

Hasil kajian ini mendapati bahawa, liberalisasi pendidikan tinggi memberikan ruang yang lebih luas kepada IPTS. Ini jelas dengan kebenaran yang diberikan kepada IPTS untuk menganjurkan program ijazah kaedah berkembar 3+0 dan diploma tempatan. Pengkaji berpendapat bahawa, kebenaran bagi sesetengah IPTS bagi mengendalikan kursus 3+0 diberikan dalam keadaan terdesak akibat krisis kewangan 1998. Bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran ke United Kingdom berkurangan. Justeru itu, lebih banyak universiti di UK terutamanya ‘new universities’ mula berebut peluang untuk mengadakan kerjasama franchise berkembar 3+0. IPTS di Malaysia juga mengalu-alukan peluang mengadakan kerjasama dengan rakan franchise dari UK ini. Sebahagian besar kerjasama antara IPTS dan universiti asing kurang memberi penekanan terhadap aspek kualiti program. Ini jelas dengan tindakan sebuah universiti UK yang sanggup bekerjasama dengan sebuah IPTS Malaysia yang tidak menyediakan sumber serta tenaga pengajar yang sewajarnya di peringkat diploma. Namun universiti asing ini mengadakan perjanjian peringkat program berkembar 3+0 (QAA, 2003). Di sini lah terletaknya cabaran LAN dalam menjalankan peranannya sebagai pengawal kualiti. Namun sejauhmanakah keupayaan LAN dalam memantau kualiti IPTS memandangkan bilangan

tenaga kerjanya yang jauh lebih rendah daripada bilangan IPTS dan kursus-kursus yang ditawarkan.

Dalam pada memberikan kelulusan LAN telah menggariskan syarat-syarat minimum tertentu yang perlu dipatuhi oleh IPTS dari segi saiz bangunan, kemudahan pembelajaran dan pengajaran serta tenaga pengajar. Didapati bahawa sesetengah IPTS yang diberikan kebenaran menjalankan program berkembar 3+0 masih jauh ketinggalan dari segi aspek asas seperti yang dipertekankan LAN. IPTS ini diberi kelonggaran tempoh masa untuk menepati syarat minimum LAN. Kekurangan dari segi bangunan, tenaga pengajar dan sumber pembelajaran perlu dicari jalan penyelesaiannya sebelum IPTS dibenarkan mengendalikan program 3+0. Dalam realitinya IPTS diberi kebenaran terdahulu, kemudiannya kekurangan-kekurangan IPTS tersebut diperbaiki. Juga tidak menafikan sesetengah IPTS yang tersenarai di bursa saham mempunyai hubungan dengan parti ataupun ahli politik. Maka IPTS ini tidak banyak menghadapi masalah dari segi penubuhan dan perjalanan program (Tan, 2002 : *The Observatory*, 2002).

Pengkaji berpendapat, IPTS menghadapi cabaran untuk kekal dalam industri pendidikan yang penuh dengan persaingan akibat pertambahan bilangan IPTS dan kampus cawangan luar negara. Persaingan IPTS di Malaysia dengan jelas adalah untuk mendapat bilangan pelajar yang lebih ramai. Ketiadaan maklumat tepat mengenai kualiti program ijazah dan pelaburan banyak dalam pengiklanan dan promosi mewarnakan pilihan pelajar terhadap kursus mahupun IPTS. Cabaran untuk Kementerian Pendidikan mahupun LAN adalah untuk mengawalselia ketidaktepatan maklumat yang dikeluarkan

IPTS. Artikel 75 Akta Pendidikan 1996, ada menyatakan mana-mana pihak IPTS yang mengiklankan maklumat yang palsu berkenaan program boleh didakwa denda tidak kurang RM50,000 atau penjara enam bulan. Walaupun demikian dapat masih banyak iklan di suratkhabar utama yang memberikan maklumat kurang tepat mengenai program. Kementerian turut menghadapi cabaran membentuk mekanisme di mana IPTS terdorong untuk menawarkan program berkualiti sebagai alat untuk menarik pelajar berbanding dengan teknik pengiklanan dan promosi dalam usaha menarik pelajar.

Cabaran persaingan ini penting memandangkan sebahagian besar IPTS kajian ini mempunyai cita-cita untuk mendapatkan status universiti. Beberapa persoalan penting timbul berkaitan dengan cabaran ini. Adakah IPTS sudahpun bersedia untuk menawarkan program tempatan yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa untuk menarik pelajar tempatan mahupun luar Negara? Sejauhmanakah IPTS berjaya dalam merealisasikan aspirasi kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat mengekspot pendidikan sedangkan aspek tenaga pengajar dan pembangunan kursus tempatan masih berada di peringkat rendah?

Pengkaji juga berpendapat bahawa penglibatan IPTS dalam aktiviti penyelidikan adalah suatu kemestian bagi memperolehi pengiktirafan kualiti antarabangsa. Dalam kajian ini, hampir kesemua IPTS kurang atau tidak sama sekali terlibat dengan penyelidikan. Namun begitu, sumber kewangan menjadi persoalan utama bagi IPTS dalam melibatkan diri dengan penyelidikan. Altbach, (1996) menyatakan bahawa terdapat pelbagai model bagi peruntukan sumber penyelidikan. Mengikut Altbach (1996):

"Public institutions often accept private funds for research, and produce research products that may be useful to, or even owned by private firms. Private universities, in contrast, are often given funds by public agencies for basic or applied research. In some cases, the private sector provides funds to public or private institutions for basic research."

Peranan kerajaan bukan setakat menjadi 'regulator' IPTS tetapi sebagai pendorong yang menyediakan sistem sokongan bagi membolehkan program berkualiti ditawarkan. Umpamanya, kerajaan perlu mewujudkan suatu persekitaran bagi menggalakkan kerjasama antara IPTS dan sektor swasta. Terdapat bidang-bidang seperti tekstil dan bioteknologi yang mana sektor swasta dapat menjadi rakan IPTS, menggunakan kepakarannya dalam bidang tersebut. Hasil penyelidikan yang menguntungkan sudah semestinya akan mengurangkan pergantungan IPTS terhadap yuran pelajar sebagai sumber kewangan utama. Ini juga akan mewujudkan persaingan yang sihat di mana IPTS tidak lagi bersaing sesama sendiri untuk mendapatkan bilangan pelajar yang lebih ramai, sebaliknya bersaing untuk mendapatkan 'research grant' yang ditawarkan oleh pihak kerajaan dan swasta.

Ini juga secara langsung membuka jalan kepada pembangunan kursus tempatan bertaraf dunia. Pengkaji berpendapat, IPTS juga tidak seharusnya membangunkan suatu kursus yang kononnya kursus tempatan yang diakreditasi LAN tetapi kandungannya sama dengan kursus yang ditawarkan oleh universiti asing. Bagi IPTS bukanlah menjadi suatu kemestian untuk melibatkan diri dalam kajian besar-besaran seperti yang dilakukan oleh Oxford University atau Harvard University. Sebaliknya, adalah lebih penting bagi IPTS untuk membangunkan kursus tempatan peringkat diploma dalam bidang-bidang

teknik dan vokasional yang memberikan pengetahuan baru. Kerajaan harus membentuk suatu kaedah supaya universiti asing digalakkan bekerjasama dengan IPTS dari segi pembangunan kursus tempatan. Kaedah seperti pembangunan kursus secara berperingkat (supported validation) boleh dibangunkan dan dikembangkan ke semua IPTS supaya merangsang pembangunan kursus tempatan.

LAN telah menghadkan IPTS mengadakan kerjasama franchise dengan universiti asing. Kajian ini juga meyimpulkan kerjasama berkembar berbanding ‘advanced standing programme’ memperlihatkan kerjasama yang lebih jelas dari segi pembangunan kursus. Namun keberkesanan kedua-kedua kaedah bergantung kepada komitmen IPTS dan universiti asing. IPTS diberikan taraf ‘associate college’ atau ‘affiliate partner’ oleh sesetengah universiti asing sebagai mengiktiraf komitmen dan kerjasama jangka panjang.

Pengalaman beberapa universiti lama yang telah mengeskpot pendidikan secara berkembar telah meninggalkan implikasi kualiti yang negatif. Persaingan untuk pasaran serta bagi memastikan program berkualiti di bawah pengawasan universiti induk adalah antara sebab kampus cawangan seperti UNiM ditubuhkan.

Pengkaji berpendapat, IPTS tempatan bukan setakat bersaing dengan kampus cawangan tetapi mengadakan kerjasama bagi mempelajari dan berkongsi pengalaman dalam menawarkan program berkualiti. Pengalaman kampus cawangan seperti UNiM yang lama terlibat dalam penyelidikan harus dimanfaatkan oleh IPTS lain. Di sini terletak peranan kerajaan mewujudkan persekitaran yang sesuai dimana IPTS dapat berkongsi

atau memperoleh pengetahuan dari institusi yang lama ditubuhkan serta berpengalaman luas dalam bidang kajian. Penggubal polisi seharusnya memiliki sikap menggalakkan hubungan bukan tradisional di antara IPTS dan sektor swasta.

Kajian juga membuktikan kewujudan yuran LAN, had kerjasama dengan universiti asing, serta kawalan yuran IPTS menimbulkan kos tambahan kepada IPTS (*The Star*, 30 September 1999). Pengkaji berpendapat, bagi mengurangkan pergantungan IPTS atas yuran pelajar, maka IPTS harus melibatkan diri dalam penyelidikan. Penyelidikan yang bermutu tinggi tentunya mendapat harga yang tinggi dalam pasaran.

Walaupun demikian, institut pengajian tinggi merupakan suatu entiti yang terlibat dengan penyelidikan dan pengajaran tidak semestinya menjadi sebuah syarikat berorientasikan keuntungan semata-mata. IPTS lebih cenderung mementingkan keuntungan memandangkan pemiliknya adalah syarikat tersenarai di bursa saham.

Pengkaji berpendapat, semangat keusahawanan di kalangan institut pengajian tinggi sememangnya diperlukan bagi menggalakan persaingan dan penawaran program berkualiti. Namun demikian keusahawanan tidak seharusnya menjadi faktor motivasi IPTS tetapi mengutamakan misi utama akademiknya. Penggubal dan pelaksana dasar harus memahami keadaan ini serta menjadi perangsang kepada IPTS dalam membentuk Malaysia sebagai pusat pengajian terulung di rantau ini.

Di Negara-negara barat pelajar sememangnya diberikan pinjaman bagi melanjutkan pelajaran. Pemberian pinjaman kepada pelajar IPT ini dipertanggungjawabkan kepada badan-badan tertentu seperti Higher Education Funding Council (HEFC) di UK. Jumlah peruntukan yang diterima oleh IPT bergantung kepada kualiti program yang dikendalikannya. Ini bermakna bagi IPT yang menawarkan program berkualiti akan diberikan peruntukan pinjaman bagi pelajar yang lebih ramai. Ini berbeza dengan Malaysia, Perbadanan Tabung Pinjaman Nasional (PTPN) memberikan pinjaman kepada IPTS yang diiktiraf dan kursusnya diakreditasi oleh LAN. PTPN boleh menyesuaikan kaedah pemberian pinjaman seperti dilakukan HEFC di UK, iaitu pinjaman diperuntukkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian di IPTS berkualiti tinggi. Pinjaman pelajar di sesetengah IPTS pula dihadkan kepada pengajian peringkat sijil dan diploma sahaja.

Negara seperti UK menggunakan ‘league table’ sebagai salah satu kriteria memberikan peruntukan yuran pelajar dan penyelidikan. Ini merupakan satu mekanisme bagi membolehkan persaingan sihat antara IPT bagi meningkatkan kualiti dan penglibatan masing-masing dalam penyelidikan. PTPN sebenarnya dapat dirombak sistem pinjamannya bagi mewujudkan persaingan antara IPTS bagi meningkatkan kualiti program masing-masing supaya dapat memenuhi keperluan tenaga kerja di Malaysia.

Kajian ini juga menunjukkan penglibatan pihak swasta yang memandatkan aspek penyelidikan pada IPTS juga tidak wujud. Ini adalah disebabkan oleh ketidaksediaan IPTS terlibat dalam penyelidikan disebabkan oleh kekurangan kepakaran. Ini

bersangkutan dengan kelemahan sistem pendidikan di peringkat sekolah mahupun peringkat pengajian tinggi. Maka jelas di sini peranan LAN sangat penting bagi memastikan supaya IPTS benar-benar menawarkan program berkualiti sebelum diberi kelulusan dan pengakreditasian.